

20 keluarga terima sumbangan

Oleh : Ihsan Siti Hisa
Foto : Ihsan Haji Nabawi
Haji Zainal

TEMBURONG, Selasa, 28 Mei. - Sebagai sebahagian daripada inisiatif memberi semula kepada masyarakat, Legasi45 yang terdiri daripada bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-45 mengendalikannya 'Projek Kami Peduli', dengan menyerahkan sumbangan kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan di Daerah Temburong.

Hadir menyerahkan sumbangan pada majlis yang diadakan di Pusat Belia, Pekan Bangar, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

'Projek Kami Peduli' dengan kerjasama Hand4hand dan disokong oleh Gemarapan Management, Jaya Centrepoint Hypermart Sdn. Bhd., Progresif Cellular Sdn. Bhd. and Brave Han Enterprise adalah untuk membantu 80 keluarga terpilih yang kurang berkemampuan di



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu menyerahkan sumbangan kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan.

semua daerah di seluruh akan mengurangkan beban negara. kewangan dan membantu dalam persiapan Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi.

Dengan inisiatif itu, bekas Peserta Kapal Belia berharap ia



Aktiviti keagamaan UTB meriahkan Ramadan

TUNGKU LINK, Selasa, 28 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran 2019 Masihi / 1440 Hijrah, berlangsung di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, UTB, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Ketua EXCO Keagamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar UTB, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Roslan.

Acara disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan terjemahannya yang disampaikan oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Sains Gunaan dan Matematik UTB, Dayang Hajah Wafiqah binti Haji Daim dan Dayang Siti Nadia binti Saifulizan.

Pada majlis itu, Ceramah Khas bertajuk 'Memperkasakan Pembelajaran Al-Quran' disampaikan oleh Penceramah Undang, iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU), Awang Muhammad Naqib bin Haji

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Awang, antara lain menyentuh mengenai tiga perkara, iaitu makna Ramadan, ibadah puasa sebagai ibadah fardu dan tentang kemuliaan Al-Quran.

Beliau berkata, berpuasa bukan sahaja bagi menahan diri daripada makan dan minum, tetapi juga bagi mengalami sendiri sedikit kesusahan golongan yang kurang berkemampuan.

Antara yang hadir, pegawai-pegawai utama, para penyarah juga kakitangan dan pelajar UTB.

Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi seramai 248 peserta terdiri daripada 191 pelajar dan 57 kakitangan UTB dari pelbagai sekolah dan fakulti, berlangsung di Dewan Serbaguna UTB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kedua-dua majlis, Pemangku Naib Canselor UTB, Awang Haji Ady Syarmin bin

Haji Md. Taib.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad oleh para peserta khatam.

Manakala, Doa Khatam dibacakan oleh Ketua Unit Keagamaan UTB, Awang Mohd. Fazalley bin Haji Hidup.

Majlis diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban oleh para pelajar UTB.

Pada majlis itu, penyampaian cenderamata kepada para peserta khatam lelaki oleh tetamu kehormat dan kepada para peserta khatam perempuan disampaikan oleh Penolong Naib Canselor (Akademik) UTB, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh.

Majlis diselenggarakan dengan acara sumbangan derma kepada seramai 38 orang anak yatim warga UTB yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Sumbangan dari UTB tersebut diharapkan akan dapat membantu meringankan beban anak-anak yatim pada bulan Ramadan dan sebagai persediaan mereka bagi meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat, dibacakan oleh Ketua EXCO Keagamaan dan Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar UTB, Awang Ahmad Syafiq.

PEMANGKU Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Md. Taib menyampaikan sumbangan derma anak yatim warga UTB.

Khatam Al-Quran UNISSA semarak Ramadan



PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (kanan) hadir selaku tetamu kehormat mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Nuzul Al-Quran dan diselenggarakan dengan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Dan Iftar Jama'ie (majlis terbuka).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung kelmarin di Surau Al-Syafi'i, UNISSA ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis tersebut merupakan kesinambungan daripada Tadarus Al-Quran yang telah berjalan sepanjang bulan Ramadan selepas Sembahyang Fardu Zuhur yang melibatkan para penyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa UNISSA.

Pada majlis tersebut, penyampaian derma kepada 34 anak yatim dan pelajar kurang berkemampuan juga disempurnakan oleh Pemangku Rektor UNISSA.

Derma tersebut adalah hasil sumbangan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan serta penyarah termasuk mahasiswa UNISSA dan juga daripada jualan amal mahasiswa UNISSA.

Majlis turut diserikan dengan tazkirah khas bertajuk 'Amalan Di Sepuluh Malam Terakhir Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Mahasiswa Program Diploma Kebangsaan Tertinggi Sistem Keadilan Jenayah Syariah, Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam.

Antara perkara yang disentuh dalam tazkirah itu ialah mengenai keistimewaan 10 malam terakhir bulan Ramadan serta amalan yang mudah dikerjakan akan dilipat gandakan ganjaran pahalanya jika bertepatan dengan 'Lail al-Qadr'.

Antara tujuan majlis diadakan adalah untuk memberi dorongan kepada warga UNISSA untuk melazimkan pembacaan Al-Quran dan mentadaburkan isi kandungan Al-Quran, di samping meraih ganjaran pahala pada bulan ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad; Pegawai-pegawai Utama; para pegawai dan kakitangan serta penyarah dan mahasiswa-mahasiswa UNISSA.

Majlis diakhiri dengan acara berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjamaah.

